



# PADAT



## MENGGENGAM WARISAN

Melalui teknologi arus digital  
dan media massa

Majlis Penyerahan  
**MAKAM RAJA BUSU**

# PELIHARA LEGASI

PERMAINAN TRADISI RAKYAT

# TERBITAN KALI INI

- 4** Dari Meja Ketua Pegawai Eksekutif
- 5** Majlis Penyerahan Makam Raja Busu
- 7** Majlis Perhimpunan Amanat KPE PADAT
- 9** Kunjungan Hormat PERZIM ke PADAT
- 11** Lawatan Panel Penilaian Audit Anugerah Pentadbiran Pejabat Cemerlang (APPC)
- 12** Majlis Pembukaan Rasmi Muzium Permainan Tradisional Bukit Malawati
- 15** Jelajah Kita Selangor Penyayang di Hulu Selangor
- 16** Menggenggam Warisan Melalui Teknologi Arus Digital dan Media Massa
- 23** Retreat Dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar Dan Kebudayaan Bil. 1/2023
- 24** Program Singgah Selangor Untuk Selamat Pagi Malaysia Siaran RTM
- 25** Persembahan Malam Apresiasi SELHAC 2023
- 26** Persembahan Makan Malam Sidang Dun Selangor 2023
- 27** Seminar Khazanah Alam – Menerokai Kepelbagaian Primat di Malaysia
- 29** Bengkel Pemurnian Dokumen ISO
- 30** Program Ihya Ramadan dan Tadarus Al-quran

# EDITORIAL

## **PENAUNG**

YB. Tuan Hj Borhan bin Aman Shah  
(Pengerusi PADAT)

## **PENASIHAT**

Dr. Nadia Widyawati binti Madzhi  
(Ketua Pegawai Eksekutif PADAT)

## **PENASIHAT BERSAMA**

Abdullah Anas bin Abu Bakar

## **KETUA EDITOR**

Intan Hazna binti Abdullah

## **EDITOR**

Muhammad Syafiq Mohd Ghaus  
Mohd Affiffudin bin Ahmad Ariffin  
Norfarah binti Abd Latib

## **FOTOGRAFI**

Ali Imran bin Mohd Raus  
Reeza Radzi bin Rosnan

## **PEREKA**

Mohammad Dzulkefli bin Hj Shamsudin

## **TERBITAN**

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan  
Negeri Selangor  
d/a Muzium Sultan Alam Shah  
Persiaran Bandaraya 40000 Shah Alam,  
Selangor

## **TELEFON**

03-5519 0050 / 03-5519 7604 /  
03-5510 3190 / 03-5510 3220

## **FAKS**

03-5510 1799

## **WEBSITE**

[www.padat.gov.my](http://www.padat.gov.my)

## **EMEL**

[info@padat.gov.my](mailto:info@padat.gov.my)

ANDA MAHU MENYUMBANG ARTIKEL UNTUK

# JURNAL SERI ALAM?

Sumbangan penulisan artikel Jurnal Seri Alam adalah terbuka kepada penulis dari dalam atau luar PADAT dan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau Inggeris. PADAT sedia menerima sebarang artikel yang berkaitan sejarah, kesenian, kebudayaan, ekonomi, arkeologi, bahasa, pendidikan, ilmu kejadian dan lain-lain yang mempunyai kaitan dengan Alam Melayu khususnya negeri Selangor Darul Ehsan.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman rasmi PADAT.

**[www.padat.gov.my](http://www.padat.gov.my)**



# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Alhamdulillah, e-buletin PADAT diterbitkan lagi untuk edisi kedua Januari 2023 sehingga April 2023. PADAT pada tahun 2023 bermula dengan pelbagai pengisian program dan aktiviti yang direncana dengan cukup baik sekali. Program seumpama ini dilihat dapat memacu kearah penjenamaan serta mengangkat fungsi PADAT sebagai wadah penyebaran dan pengembangan warisan kebudayaan dan kesenian khususnya di negeri Selangor.

Antara program termasuklah Majlis Pembukaan Rasmi Muzium Permainan Tradisional Bukit Malawati, Daerah Kuala Selangor yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Borhan bin Aman Shah, EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi PADAT. Muzium Permainan Tradisional ini telah mengambil masa hampir empat tahun untuk dibangunkan semula. Sudah tentu pelbagai perancangan yang lebih strategik dan menarik dirangka bagi mempromosikan muzium ini untuk dikunjungi oleh orang ramai.

Selain dari ruang pameran yang tersedia dengan pelbagai informasi PADAT turut menawarkan peluang kepada pengunjung merasai sendiri pengalaman bermain permainan tradisional rakyat. Pembukaan muzium ini diharap dapat merencanakan lagi sektor ekonomi dan pelancongan terutama di daerah Kuala Selangor. Selain itu PADAT turut berbesar hati menerima kunjungan daripada pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) untuk melihat sendiri sistem yang dibangunkan oleh PADAT dalam menjalankan pengurusan koleksi di jabatan ini menerusi sistem yang dinamakan sebagai PADAT INTEGRATED INVENTORY SYSTEM (PIIS). Kunjungan seumpama ini dilihat sebagai sesuatu yang positif kerana PADAT sangat terbuka dalam berkongsi maklumat dan pengetahuan disamping dapat memperbaiki mutu perkhidmatan dari masa ke semasa.

PADAT juga telah dijemput oleh pihak produksi RTM bagi terbitan rancangan Selamat Pagi Malaysia untuk slot Singgah Selangor. Ini merupakan satu kesempatan yang amat baik bagi PADAT untuk menghebahkan tentang keunikan warisan kebudayaan dan kesenian yang terdapat di negeri Selangor dengan lebih luas lagi. Antaranya warisan kebudayaan etnik Banjar dan Jawa di negeri Selangor, kesenian muzik cempuling, demonstrasi permainan tradisi rakyat, warisan makanan tradisi serta persembahan tarian rakyat Wau Kapal yang telah dipersembahkan oleh Kumpulan Kesenian PADAT.



**DR. NADIA WIDYAWATI BT. MADZHI**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor  
(PADAT)

Keterlibatan PADAT dalam program-program seperti ini adalah sangat bertepatan dengan misi PADAT dalam "Memperkasakan dan Melestarikan Warisan Negeri Selangor". Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan e-buletin PADAT pada edisi kali ini. Semoga PADAT cecal dan terus melangkah ke hadapan dengan menyusun pelbagai program dan aktiviti yang dapat memanfaatkan masyarakat di negeri Selangor khususnya.

# MAJLIS PENYERAHAN MAKAM RAJA HASSAN (RAJA BUSU) BIN RAJA MUDA NALA

Oleh Rizal Effendy B. Mohamad Zainudin



YB Tuan Borhan Aman Shah ketika menziarahi sekitar makam.

KPE PADAT, Dr Nadia Widyawati Madzhi (dua kanan) menyerahkan replika kunci kepada Timbalan Pengarah Pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Mohd Faizal Abdul Raji.

Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Makam Raja Hassan bin Raja Muda Nala ibni Almarhum Sultan Salehuddin atau lebih dikenali sebagai Raja Busu di antara Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dengan PADAT dan seterusnya kepada pihak JAIS telah diadakan pada 6 Januari 2023 di Kampung Chuah, Kuala Lukut, Negeri Sembilan. Projek ini bermula sejak Ogos 2022 dan siap sepenuhnya pada hujung Disember 2022. Kerja-kerja menaik taraf ini membolehkan makam ini berada dalam keadaan baik dan sesuai untuk dikunjungi kerana pihak PADAT dan JAIS membenarkan pelawat untuk ke makam dengan tujuan penyelidikan

sesuai dengan peranan Raja Busu dalam pentadbiran Selangor pada awal abad ke-19.

Raja Hassan atau Raja Busu merupakan anakanda kepada Raja Muda Nala serta anak saudara kepada Sultan Selangor kedua iaitu Sultan Ibrahim. Bonda Raja Hassan ialah Raja Salamah binti Raja Haji (Yang Di-Pertuan Muda Johor-Riau yang keempat). Raja Hassan telah dilantik menjadi Orang Besar Daerah Lukut pada tahun 1826 bagi menggantikan tempat Raja Muhammad yang telah dilantik menjadi Sultan Selangor ketiga. Raja Hassan telah berjaya membangunkan Lukut melalui perusahaan bijih timah dan melaksanakan pentadbiran berlandaskan syariat Islam. Pada tahun 1834, Raja Hassan dan keluarganya telah terbunuh apabila kediamannya dibakar oleh masyarakat Cina yang didalangi oleh kongsi gelap Cina. Raja Hassan dan ahli keluarganya telah dikebumikan di muara Kuala Lukut, Chuah yang dikenali sebagai Bukit Keramat.

مقام راج حسن ( راج بوسو ) بن راج مودا نال  
MAKAM RAJA HASSAN  
( RAJA BUSU ) BIN RAJA MUDA NALA

# MAKAM RAJA HASSAN (RAJA BUSU)

bin Raja Muda Nala  
ibni Almarhum Sultan Salehuddin

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PADAT:

# AMANAT TAHUN BARU 2023 OLEH KPE PADAT

Oleh Mohd Aidy Khairunizam B. Rashid

Tanggal 13 Januari 2023 yang lalu, satu Majlis Perhimpunan telah diadakan di Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Majlis Perhimpunan yang dikelolakan oleh Bahagian Konservasi PADAT ini telah menyusun dan merencanakan laporan-laporan dari pegawai dan bahagian yang bertanggungjawab di sepanjang tahun 2022.

Antaranya Majlis Pelancaran Buku-buku Terbitan PADAT, Majlis Pelancaran Batik Selangor, Majlis Pengisytiharan Nasi Ambeng sebagai Makanan Warisan Selangor, Persembahan Teater Sejarah Klang "Antara Tiga" di Istana Budaya, Program Tayangan Perdana Filem Mat Kilau ; YAB Dato' Menteri Besar Selangor Bersama-sama Anak-anak Yatim dan Pertubuhan Amal Negeri Selangor, Temasya Silat Seni & Cempuling Sempena Pesta Seni Kebudayaan Negeri Selangor di Istana Bandar, Kuala Langat, Penyertaan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2022 di Kota Bharu, Kelantan, Festival Simfoni Cempuling Selangor, SENADA Live 2022, Pameran Jalinan Pelajar Tahun Akhir Kolej Pengajian Seni Kreatif Bersama Universiti Teknologi MARA, Video Promosi PADAT, Pesta Buku Antarabangsa di PWTC Kuala Lumpur, Program Khidmat Luar Bersama Jabatan Kerajaan & NGO, School Attack 2022, Lawatan Berpandu ke Muzium-muzium Daerah, Bengkel Konservasi Manuskrip dan Bengkel Konservasi : Taksidermi Spesimen Ular Dan Spesimen Moluska (Dwicengkerang).


Selain itu sekalung ucapan tahniah kepada Encik Mohamad Aris b. Hj Sahid di atas pengurniaan Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.) sempena ulangtahun Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Selangor ke 76. Ucapan tahniah juga kepada Encik Mohd Idham b. Idel yang dilantik sebagai komposer untuk Teater Muzikal Upin & Ipin dan Puan Rohayu bt. Mohd Yunus sebagai pembentang kertas kerja "Mengenali Kebaya Selangor: Busana Tradisional Warisan Negeri". Selain itu ucapan setinggi tahniah kepada Encik Mohd Fairuz b. Saari dan Encik Azrizal b. Ahmad kerana memenangi Tempat Kedua Pameran & Pertandingan Muzium Digital (MUDI).





Selain itu amanat yang disampaikan oleh Yang Berusaha Dr. Nadia Widyawati binti Madzhi; Ketua Pegawai Eksekutif PADAT selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Selangor dalam mentransformasi PADAT menjadi sebuah organisasi yang ditadbir urus secara cekap berpacuan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam permuziuman. Antaranya 5 fokus utama PADAT seperti: Tadbir Urus Yang Efektif, Kelestarian Kewangan, Transformasi Digital Dalam Proses Kerja,

Jaringan Ekosistem Yang Saling Berhubung dan Peningkatan Keterlihatan PADAT. Semoga bermulanya cetusan kali ini dapat kita mengorak demi perubahan yang dapat membanggakan kepada warga PADAT amnya. Semoga kita berusaha dengan lebih gigih lagi bagi memberi manfaat kepada masyarakat di luar sana. InsyaAllah.





Pegawai PADAT menerangkan mengenai sistem yang digunakan di Stor Repositori Muzium Sultan Alam Shah.

# KUNJUNGAN HORMAT PERZIM KE PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

Oleh Siti Syabana Bt. Mohd Yusof

Pada tarikh 31 Januari 2023 bersamaan hari Isnin, pegawai dan kakitangan dari Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah mengadakan lawatan ke PADAT. Lawatan ini telah diketuai oleh Kurator Bahagian Pengurusan Koleksi PERZIM iaitu Puan Ruhaiza bt Zawawi berserta sembilan (9) orang kakitangan PERZIM dari bahagian yang sama. Tujuan lawatan ini diadakan kerana Bahagian Pengurusan Koleksi Muzium PERZIM sedang dalam perancangan untuk menambahbaik dan menaiktaraf sistem pengurusan koleksi dan artifak. Selain itu pihak PERZIM juga bercadang untuk mewujudkan data penyimpanan dan repositori berpusat terutamanya melibatkan koleksi di muzium.

Lawatan ini bermula dengan taklimat di Bilik Mesyuarat Daeng Perani Muzium Sultan Alam Shah mengenai sistem PADAT INTEGRATED INVENTORY SYSTEM (PIIS) yang pihak PADAT gunakan dalam melaksanakan pengurusan koleksi di jabatan dan seterusnya di bawa ke Stor Repositori Muzium Sultan Alam Shah dan Makmal Taksidermi bagi melihat perjalanan sistem PIIS yang digunakan. Rombongan berakhir dengan makan tengahari serta persembahan kebudayaan dari Artis Budaya PADAT.

Diharapkan dengan adanya lawatan seperti ini dapat merapatkan lagi ukhwah antara muzium-muzium dan seterusnya dapat bertukar-tukar maklumat dan pengetahuan antara PADAT dan PERZIM.





# PADAT INTEGRATED INVENTORY SYSTEM (PIIS)

Sistem Pengurusan Repositori Muzium Sultan Alam Shah

# AUDIT ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) NEGERI SELANGOR 2023

Oleh Mohamad Nor B. Sapar @ Sapartan

Pada 13 Februari 2023 (Isnin), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah menerima kunjungan 10 orang ahli panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. APPC ini dilaksanakan bertujuan mengukur kecemerlangan perkhidmatan organisasi dan memperkasa peranan serta akauntabiliti dalam organisasi sepanjang tahun 2022.

Audit APPC ini dijalankan kepada 43 agensi kerajaan Negeri Selangor yang diuruskan oleh Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Penilaian melibatkan tiga komponen iaitu Komponen A: Pematuhan, Komponen B: Kualiti dan Komponen C: Perkhidmatan Teras yang dinilai meliputi aspek pengurusan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan projek pembangunan, pengurusan teknologi maklumat, pengurusan rekod dan pengurusan perkhidmatan pelanggan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada panel penilai APPC, para pegawai dan kakitangan PADAT atas kerjasama serta komitmen sepanjang proses penilaian dijalankan.





# MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MUZIUM PERMAINAN TRADISIONAL

**14 FEBRUARI 2023**

Bukit Malawati, Daerah Kuala Selangor

# MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MUZIUM PERMAINAN TRADISIONAL BUKIT MALAWATI

DAERAH KUALA SELANGOR  
PADA 14 FEBRUARI 2023

Oleh Mohd Ismail B. Boiran @ Ramlan

Satu Majlis Pembukaan Rasmi Muzium Permainan Tradisional Bukit Malawati Daerah Kuala Selangor telah diadakan pada 14 Februari 2023 (Selasa), jam 10.00 pagi bertempat di ruang meletak kenderaan, Muzium Permainan Tradisional.

Majlis Rasmi Pembukaan Muzium ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Borhan bin Aman Shah, EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Turut hadir di dalam majlis ini adalah Y.A.D. Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahrudin Shah Alhaj; Ahli Dewan di-Raja Selangor, YB Puan Juwairiya binti Zulkifli; Ahli Dewan Negeri Kawasan Dun Melawati, Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor; Y.D.H. Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail, D.S.I.S., P.J.K., YBrs. Dr. Nadia Widyawati binti Madzhi; Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PADAT, Ketua-Ketua Jabatan serta agensi yang dijemput untuk turut serta bagi memeriahkan majlis tersebut.

Pelbagai aktiviti turut disediakan di sepanjang majlis berlangsung seperti tarian kebudayaan oleh Artis Budaya PADAT, lawatan ke pameran koleksi permainan tradisional, demonstrasi permainan tradisional, demonstrasi pembuatan permainan tradisional, jualan buku dan cenderamata.

Di samping itu, satu sidang media bersama YB Tuan Borhan turut diadakan di bawah bangunan Muzium Permainan Tradisional bagi tujuan mempromosikan pembukaan semula Muzium Permainan Tradisional kepada orang ramai. Majlis Pembukaan Rasmi Muzium Permainan Tradisional telah diakhiri dengan sesi temuramah YBrs. Dr. Nadia Widyawati binti Madzhi dan En. Rizal bin Mohamad Janah bersama RTM untuk slot "Selamat Pagi Malaysia".



Pengerusi PADAT, YB Tuan Borhan memberikan ucapan dan menjadi perasmi di dalam Majlis Pembukaan Rasmi Muzium Permainan Tradisional.



Antara tetamu Kehormat yang turut hadir di dalam majlis tersebut adalah Yang Amat Dihormati Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahrudin Shah Alhaj.



YB Tuan Borhan dan tetamu turut dibawa melawat ke ruang pameran di dalam Muzium Permainan Tradisional yang mempamerkan koleksi Congkak Harimau Berantai dari masyarakat Orang Asli Mahmeri yang menggunakan kayu Nyireh.



YB Tuan Borhan sedang bermain sepak raga bulu ayam bersama wakil ketua-ketua jabatan yang turut disaksikan oleh YB Juwariya, Ahli Dewan Negeri Kawasan DUN Melawati dan Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Dr. Nadia Widyawati di tapak gelanggang permainan di belakang Muzium Permainan Tradisional.

# JELAJAH KITA SELANGOR PENYAYANG

## DAERAH HULU SELANGOR 2023

Oleh Mohd Zaki B. Mohamad Kadari



Pada tanggal 19 Februari 2023 telah berlangsung program Jelajah Kita Selangor Penyayang di daerah Hulu Selangor bertempat di Oasis Batang Kali, Hulu Selangor. Program ini merupakan yang kali keduanya dianjurkan untuk tahun 2023 selepas daerah Klang. Terdapat pelbagai program menerusi Itizam Selangor Penyayang yang ditawarkan oleh kerajaan negeri yang melibatkan pelbagai bantuan seperti akses kesihatan, keusahawanan, belia, kos sara hidup dan sebagainya.

Penganjur program Jelajah Kita Selangor Penyayang telah berbesar hati menjemput pihak PADAT untuk melaksanakan aktiviti Permainan Sukan Rakyat sebagai pengisian kepada pengunjung yang hadir dalam program ini. Antara permainan sukan rakyat yang dibawa dalam program ini adalah seperti Congkak, Batu Seremban, Dam Aji, Sepak Bulu Ayam, Baling Tin, Puzzle Blok Kayu dan Dam Ular Gergasi.

Sambutan yang diberikan oleh pihak pengunjung amat memberangsangkan di mana ruang demonstrasi dipenuhi orang ramai yang terdiri daripada orang dewasa dan kanak-kanak. Pihak PADAT juga memberikan cenderahati kepada para pengunjung yang terlibat dalam program jelajah ini.

Di kemuncak program ini, Menteri Besar Selangor iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari telah berkenan merasmikan program Jelajah Kita Selangor Penyayang untuk daerah Hulu Selangor bagi tahun 2023. Semoga dengan adanya program sebegini membantu rakyat lebih dekat dengan memahami peranan agensi-agensi kerajaan di Negeri Selangor.

# MENGGENGAM WARISAN MELALUI TEKNOLOGI ARUS DIGITAL DAN MEDIA MASSA

## PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

Oleh Muhammad Affiffuddin B. Ahmad Ariffin

Permuziuman adalah satu cara yang unik untuk menjalani pengalaman mendalam dalam memahami sejarah dan warisan budaya. Ia melibatkan penjagaan, penyajian, dan penyebaran bahan-bahan bersejarah dan kebudayaan bagi tujuan pendidikan, penyelidikan, dan hiburan. Permuziuman merupakan pintu gerbang kepada dunia lampau dan menjadi medan kehidupan masa silam, yang kaya dengan nilai-nilai warisan yang perlu dihargai dan dikekalkan.

Dalam konteks Selangor yang kaya dengan sejarah dan warisan Melayu, permuziuman memainkan peranan penting dalam menyemai penghayatan dan kesedaran masyarakat terhadap identiti dan jati diri mereka. Melalui benda-benda bersejarah, reka bentuk tradisional, dan warisan kultural yang dipamerkan di muzium, masyarakat dapat merenungkan dan menghargai usaha nenek moyang mereka dalam mewarisi nilai-nilai luhur.

Permuziuman telah mengalami transformasi menyeluruh berkat peranan yang semakin penting yang dimainkan oleh teknologi dalam melindungi, memperkaya, dan menyampaikan warisan budaya dan sejarah. Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), sebuah institusi terkenal yang terletak di pusat Shah Alam, Selangor, Malaysia, bukan terkecuali daripada kepentingan teknologi ini. Melalui penggunaan teknologi yang bijaksana, PADAT telah memperkayakan pengalaman pengunjung, memastikan kelestarian koleksi bersejarah, dan membuka akses kepada warisan yang kaya kepada generasi akan datang. Langkah yang PADAT lakukan bagi mentransformasikan inovasi teknologi di dalam permuziuman adalah:



# 1

## PROMOSI DAN KOMUNIKASI

MENGGENGAM WARISAN MELALUI TEKNOLOGI ARUS DIGITAL DAN MEDIA MASSA

Perubahan arus teknologi ini telah membantu cara PADAT berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang ramai. Laman web PADAT yang interaktif, dan media sosial yang aktif yang berdaya saing membantu mempromosikan pameran dan program muzium kepada khalayak yang lebih luas. Penggunaan teknologi ini membolehkan muzium untuk menarik pengunjung berpotensi dan membina hubungan dengan komuniti setempat serta jangkauan global.

Selain dari promosi di media sosial, alternatif PADAT dalam mempromosikan bahan mereka ialah melalui wakil-wakil dari PADAT itu sendiri yang dijemput khas

oleh siaran televisyen yang membawa segmen tradisi dan adat warisan. Mereka inilah yang menjadi ikon utama bagi pihak PADAT untuk menyebarkan ilmu dan mempromosikan PADAT di khalayak ramai.

Tidak hanya PADAT mempunyai pegawai yang bertauliah dan berpengalaman dalam aspek permuziuman, malah mereka juga bersedia dalam berkongsi ilmu dengan masyarakat mengenai hal ehwal negeri Selangor khususnya soal adat dan warisan di negeri Selangor.



Pendidikan adalah aspek penting dalam peranan muzium sebagai penjaga warisan. Dengan menggunakan teknologi ia membolehkan pelajar dan guru dari seluruh negara untuk mengakses program pendidikan dan sumber belajar yang bermaklumat tinggi. Program pendidikan jarak jauh ini membuka

peluang pendidikan yang merangkumi pelbagai topik seperti sejarah tempatan, budaya, seni, arkeologi dan taksidermi. Orang awam dapat terlibat dalam pameran maya, aktiviti pembelajaran dalam talian dan perbincangan langsung dengan kurator dan pakar muzium. Ini memastikan warisan muzium ini diteruskan dan dihargai oleh generasi akan datang.



PADAT juga memberikan demo secara atas talian di laman media sosial seperti Facebook dan Youtube berkaitan hal permuziuman. Seperti contoh Bahagian Konservasi telah memuat naik video di laman web rasmi di youtube PADAT mengenai taksidermi haiwan.

Disamping mendidik melalui rakaman yang dimuat naik di Youtube dalam menarik masyarakat berminat dengan tradisi dan sejarah Selangor; PADAT melalui program SENADA (Semarak Seni dan Budaya) yang disiarkan secara langsung melalui aplikasi Facebook dapat memberikan informasi kepada orang awam dengan lebih dekat disamping memberikan penerangan yang lebih terperinci (penceramah yang terdiri daripada Kurator atau Penolong Kurator Permuziuman). Tetamu jemputan akan dapat mengupas sesuatu topik berkaitan hal permuziuman mengikut skop topik yang dibicarakan serta kemahiran dan pengalaman yang mereka ada.



# 3

## PENGURUSAN YANG EFISIEN

MENGGENGGAM WARISAN MELALUI TEKNOLOGI ARUS DIGITAL DAN MEDIA MASSA

Penggunaan teknologi dalam pengurusan PADAT bagi memperkemaskan operasi dan pemeliharaan. Sistem pengurusan koleksi yang terkini membantu menguruskan inventori, pemeliharaan, dan pameran dengan lebih efisien. Penggunaan teknologi pintar juga membantu mengawasi keadaan fizikal muzium, termasuk kawasan pameran dan suhu koleksi, yang kritikal bagi pemeliharaan objek bersejarah. Dengan pengurusan yang cekap, muzium dapat memberi tumpuan kepada penyelidikan, pembangunan pameran, dan program pendidikan untuk manfaat pengunjung dan masyarakat.

Dengan seiring perkembangan kemudahan teknologi Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah mengambil langkah berani dalam menghadapi era digital dengan mengadaptasi dan mengguna pakai teknologi dalam pelbagai aspek operasi mereka. Dengan menerapkan sistem PADIF, PIIS, HRMIS, dan NIGEN; PADAT telah mencapai keunggulan dalam pengurusan dan pemeliharaan koleksi, pengurusan sumber manusia dan efisiensi dalam operasi harian. Inilah mengapa kepentingan teknologi dalam permuziuman di Muzium Sultan Alam Shah dibawah pentadbiran PADAT tidak boleh dipandang remeh.

## SISTEM PADIF : MEMPERMUDAH KELUAR MASUK KAKITANGAN






Penerapan sistem PADIF (Padat Digital Information And Forms System) di PADAT adalah satu langkah progresif dalam pengurusan sumber manusia. Sistem ini membolehkan kakitangan untuk merekod keluar masuk mereka secara teratur dan efisien.

Ini membantu muzium dalam mengekalkan kawalan kehadiran yang lebih baik dan memudahkan kakitangan dalam melaporkan urusan rasmi kerja luar dan persendirian, memberi lebih banyak fleksibiliti dan keselesaan dalam menjalankan tugas harian mereka.



# SISTEM PIIS - OPAC : MEREKOD DATA KOLEKSI PAMERAN DENGAN TEPAT



Penggunaan sistem PIIS (PADAT Integrated Inventory System) - OPAC adalah penambahbaikan yang signifikan bagi per muzium. Sistem ini memudahkan rekod dan pengurusan koleksi pameran muzium, termasuk maklumat penting mengenai artifak, sejarah, dan asal-usulnya. Melalui PIIS, kurator dan pengurusan muzium dapat mengakses data koleksi dengan mudah, memastikan informasi yang tepat di dalam penyajian pameran. Penggunaan teknologi ini membantu muzium dalam melindungi, memulihara, dan memperkaya koleksi mereka dengan lebih efisien dan berdaya saing.

Pengurusan sistem ini dikendalikan oleh pegawai PADAT daripada Unit Dokumentasi untuk mengemaskini bahan koleksi untuk didaftarkan ke sistem PIIS bagi tujuan kemudahan kepada orang awam untuk mengakses pilihan maklumat yang mereka perlukan hanya melalui carian pada sistem OPAC.

OPAC merupakan sistem yang dapat diakses oleh orang awam bagi tujuan untuk melihat koleksi yang terdapat di PADAT. Dengan sistem yang sederhana dan mudah difahami ini dapat membantu para pengguna yang ingin melihat artifak dengan mudah dan cepat.



## SISTEM NIGEN - TMS : MEREKOD KEHADIRAN DENGAN MUDAH

Sistem NIGEN-TMS (Sistem Rekod Kehadiran) adalah sebuah inovasi sistem yang didigitalkan di PADAT. Dengan menggunakan teknologi canggih PADAT dapat merekodkan kehadiran kakitangan dengan tepat dan mudah. Sistem ini membolehkan PADAT menguruskan jadual kerja dan menjalankan operasi harian dengan lebih lancar. Selain itu, sistem NIGEN memudahkan kakitangan untuk merekodkan kehadiran mereka tanpa perlu menggunakan proses manual yang memakan

masa. Ini membebaskan masa dan tenaga kakitangan untuk terlibat dalam tugas-tugas yang lebih strategik dan penting bagi pembangunan muzium. NIGEN di PADAT telah didatangkan dengan sistem kehadiran rekod kehadiran dengan penggunaan pengimbasan cap jari dan pengimbasan wajah untuk kakitangan PADAT.

**NIGEN-TMS**

Get it on  
Google Play

Get it on the  
App Store

WELCOME TO NIGEN  
Welcome to Staff Portal, kindly login  
your account to start.

Customer  
▼


Staff Name

Password

LOGIN

© 2022 Invenio MSN

**SISTEM KEHADIRAN UTAMA  
PADAT**




## SISTEM E-PPB (E BORANG PADAT PINJAMAN BUKU)

Dalam usaha untuk memperkaya pengalaman pelanggan dan memajukan perkhidmatan, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah melancarkan Sistem e-PPB (e-Borang PADAT Pinjaman Buku). Sistem inovatif ini membawa manfaat yang cukup ketara dalam usaha untuk meningkatkan proses peminjaman buku dan memberikan akses lebih mudah kepada rujukan sumber ilmu di Pusat Sumber Rujukan PADAT.

Sistem e-PPB membolehkan para pelanggan Pusat Sumber Rujukan PADAT untuk mengakses koleksi buku dan sumber rujukan melalui platform dalam talian. Pelanggan tidak lagi perlu hadir secara fizikal di perpustakaan untuk membuat peminjaman. Dengan hanya beberapa klik mereka dapat melayari koleksi buku, membuat tempahan dan memohon peminjaman buku dari keselesaan rumah masing-masing.

Ini menghemat masa dan tenaga, memberikan kemudahan luar biasa kepada pengguna yang sibuk dengan komitmen harian mereka.

Menerapkan teknologi dalam operasi PADAT adalah kunci kejayaan dalam menghadapi cabaran global dan memenuhi kehendak pengunjung moden. PADAT telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memperkenalkan sistem PADIF, PIIS, NIGEN, dan e-PPB yang telah memberikan manfaat yang ketara bagi institusi ini. Penggunaan teknologi telah meningkatkan pengurusan koleksi, efisiensi operasi, dan pengalaman pengunjung dengan cara yang berkesan. Dalam era digital yang semakin berkembang ini, permuzium tidak boleh berdiam diri dan perlu mengambil langkah maju dan terus berinovasi untuk memastikan warisan budaya dan sejarah yang berharga itu dapat diakses, dinikmati, dan dipelihara oleh generasi akan datang.



# JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN KEBUDAYAAN

Oleh Rohayu Bt. Mohd Yunus



25 Feb – 28 Feb 2023 bertempat di Sunway Hotel Big Box, Sunway City Iskandar Puteri, Johor Darul Takzim telah diadakan Retreat dan Mesyuarat Jawatankasa Tetap Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan yang telah dipengerusikan oleh YB Tuan Borhan bin Aman Shah. Program anjuran pihak UPEN, Seksyen Sektor ini telah dihadiri oleh wakil-wakil agensi dari Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Selangor, Majlis Kebudayaan Negeri Selangor, JKKNS, KEMAS, MARA, serta pihak PADAT. PADAT telah diwakili oleh Encik Abdullah Anas bin Abu Bakar (Kurator), Puan Comeil Puteri binti Ibrahim, Encik Saharuden bin Kamaludin (Pegawai Kebudayaan) dan penulis sendiri.

Program selama 4 hari 3 malam ini, telah memberi pendedahan kepada agensi-agensinya yang hadir apakah perancangan yang telah disusun oleh pihak UPEN bagi tahun 2023 yang melibatkan peranan dan tanggungjawab setiap agensi yang berkaitan. Selain menghadiri mesyuarat, para peserta turut mengikuti lawatan ke Pejabat SUK, Johor, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), serta ke Kampung Sungai Melayu, Gelang Patah dan Yayasan Warisan Johor.



PROGRAM SELAMAT PAGI MALAYSIA

# SINGGAH SELANGOR SPM

Oleh Comeil Puteri Bt. Ibrahim

Pada 4 dan 5 Mac 2023, julung kalinya PADAT diberi kesempatan untuk bersama-sama menjayakan siaran langsung dalam program Selamat Pagi Malaysia Singgah Selangor SPM di Kampung Kunci Air Buang, Sungai Burong Tanjung Karang Selangor.

Program yang diterbitkan oleh RTM pada kali ini bertujuan memperkenalkan budaya orang Banjar dan Jawa di negeri Selangor. Justeru PADAT sebagai sebuah agensi yang mendokong dan memelihara serta memartabatkan warisan budaya bangsa diberi kepercayaan untuk membantu menyelaras beberapa pengisian antaranya mewawancara Puan Comeil Puteri bagi info berkaitan cempuling sebagai kesenian rakyat bersama jurulatih Wak Engsar Kaimun dan persembahan kumpulan kanak-kanak Tunas Cempuling dari SK Sg Lang.

PADAT juga membantu mendapatkan chef bagi masakan Banjar dan Jawa beserta cadangan menu.



En. Mohamad Aris bin Haji Sahid yang turut terlibat dalam segmen wawancara "Pembangunan Seni dan Budaya Selangor".

Disamping itu juga, En. Ismail Penolong Kurator Kanan Muzium Permainan tradisional turut diwawancara bagi segmen permainan rakyat beserta dengan demonstrasi permainan oleh beberapa orang staf PADAT. En Mohamad Aris, Kurator Kanan juga turut ditemubual bagi menerangkan berkaitan Pembangunan Seni dan Budaya Selangor. Bagi acara persembahan penutup selama dua hari tersebut, Kumpulan Kesenian PADAT telah membuat persembahan tarian Wau Kapal dan tarian etnik Jawa sebagai iringan persembahan bersama nyanyian Encik Herman Tino.



Antara aksi tarian Jawa yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kesenian PADAT sebagai iringan tarian bagi nyanyian penutup oleh Herman Tino pada hari kedua program.





Penari lelaki Kumpulan Kesenian PADAT sebelum persembahan bermula.



Barisan penari perempuan Kumpulan Kesenian PADAT

# PERSEMBAHAN MALAM APRESIASI KONVENSYEN HALAL ANTARABANGSA SELANGOR

(SELANGOR INTERNATIONAL HALAL  
CONVENTION) SELHAC 2023

Oleh Saharuden Kamaludin

Persembahan Malam Apresiasi sempena Konvensyen Halal Antarabangsa Selangor ( SELHAC) 2023 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni ( Exco Agama Islam, Pengguna & Industri Halal) telah berlangsung selama tiga hari pada 10 hingga 12 Mac di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur. Lebih 200 pempamer dan hampir 8,000 pengunjung berkumpul pada Selhac 2023 yang merupakan satu komponen pen-ting dalam perancangan untuk melonjakkan industri halal sebagai salah satu daripada sembilan sektor fokus bagi mengukuhkan ekonomi Selangor.

Kumpulan Kesenian PADAT telah dijemput untuk membuat persembahan semasa Majlis Malam Apresiasi SELHAC 2023 pada 10 Mac 2023 jam 8.00 Malam di Dewan Tun Hussien Onn bagi meraikan pelabur dari dalam dan luar negara. Perasmian Majlis tersebut juga telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Salahuddin Bin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Seramai 8 orang Penari, 1 orang Koreografer dan 1 orang Pegawai Kebudayaan telah terlibat di dalam persembahan tersebut yang menyajikan persembahan berkonsep islamik sesuai dengan tema program tersebut iaitu "Selangor sebagai Gerbang Halal Antarabangsa".



# MAJLIS SANTAPAN MALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN PERSIDANGAN PENGGAL KEENAM DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT TAHUN 2023

Oleh Rohayu Bt. Mohd Yunus

13 Mac 2023 (Isnin) : Bertempat di Hotel Concorde Shah Alam, telah berlangsungnya Majlis Santapan Malam sempena Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Selangor Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan setelah dua (2) tahun majlis seumpama ini tidak diadakan berikutan (PKP) akibat penularan wabak covid. Majlis pada malam itu telah diserikan dengan keberangkatan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, DYMM Tengku Permaisuri Selangor, YAB Dato' Menteri Besar Selangor serta ahli-ahli Dewan Negeri Selangor.

Dalam majlis tersebut, YB Speaker telah menyampaikan sembah ucapan serta berkongsi montaj berhubung pencapaian Pejabat Dewan Negeri Selangor. PADAT selaku agensi yang diberi mandat oleh Pejabat Dewan Negeri Selangor dalam menyelaras acara santapan malam tersebut telah dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan serta nyanyian oleh kombo MBSJ serta kumpulan koir SUK. Majlis keberangkatan balik DYMM Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor diakhiri dengan sembah berkenaan penyampaian cenderamata oleh YB Speaker dan majlis mengadap.



SEMINAR KHAZANAH ALAM

# MENEROKAI KEPELBAGAIAN PRIMAT DI MALAYSIA

Oleh Muhamad Humaizi B. Abdul Halim

Dalam usaha untuk lebih mengenali spesies primat di Selangor dan Malaysia, pihak PADAT telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan satu seminar yang bertajuk Khazanah Alam: Menerokai Kepelbagaian Primat Di Malaysia pada 21hb Mac 2023 yang bertempat di The Blanket Hotel (De Palma), Shah Alam di mana dapat membantu melancarkan penyelidikan yang akan dilakukan oleh PADAT.

Dalam majlis tersebut, YB Speaker telah menyampaikan sembah ucapan serta berkongsi montaj berhubung pencapaian Pejabat Dewan Negeri Selangor. PADAT selaku agensi yang diberi mandat oleh Pejabat Dewan Negeri Selangor dalam menyelaras acara santapan malam tersebut telah dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan serta nyanyian oleh kombo MBSJ serta kumpulan koir SUK. Majlis keberangkatan balik DYMM Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor diakhiri dengan penyampaian cenderamata oleh YB Speaker dan majlis mengadap.



Salah seorang penceramah, Dr. Nurul Iza Adrina bt. Mohd Rameli (USM) menerima cenderamata dari Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Dr. Nadia Widyawati Madzhi

Program yang dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan PADAT (Unit Alam Semulajadi) ini julung-julung kali diadakan bertujuan untuk mengenalpasti tabiat primat dan habitatnya yang terdapat di sekitar negeri Selangor dan Malaysia. Selain itu, seminar ini juga dapat memberikan maklumat cara pemerhatian aspek ekologi dan kelakuan haiwan, aktiviti habitat asal haiwan primat yang terdapat di negeri Selangor dan Malaysia. Ini adalah sejajar dengan objektif PADAT iaitu mengumpul, menyelamatkan, memelihara dan mengembangkan selain menjadi pusat maklumat, seminar ini telah memperlihatkan primat sebagai khazanah alam Malaysia yang penting untuk diberi perhatian khususnya negeri Selangor.

Seramai 50 lebih peserta dari pelbagai agensi kerajaan seperti FRIM, Perhilitan Semenanjung Malaysia, Pejabat Perhutanan Malaysia, Muzium-muzium negeri, Zoo Melaka dan lain-lain telah turut sama menjayakan seminar ini. Seminar ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Dr. Nadia Widyawati bt. Madzhi dan turut dihadiri wakil Ketua Pengarah Perhilitan Malaysia, En Dennis Ten Choon Yung. Penceramah pula terdiri daripada Dr Azharuddin b. Mohamed Dali (UM), Dr Nurul Iza Adrina bt. Mohd Rameli (USM), Puan Hani Nabillia bt. Muhd Sahimi (Ibu pejabat Perhilitan Semenanjung Malaysia) dan Dr. Muhd Danial Felix b. Abdullah (Felix Vet Service) yang merupakan pakar-pakar dalam bidang primat dan konservasi alam semulajadi. Dengan adanya program seumpama ini dapat memberi informasi keunikan kepelbagaian primat dan inisiatif dalam memelihara khazanah flora dan fauna di mana menjadi rujukan para penyelidik untuk mengenali primat yang terdapat di Malaysia dan khususnya di Selangor.

# KEPELBAGAIAN **PRIMAT** DI MALAYSIA

22th Mac 2023 (Selasa)

Hotel De Palma Shah Alam

## Pasal 1

**Dn. Ahsanullahi Muhammad Dali,**  
UN (Wakil Ketua / penubung)

## Pasal 2

**Dn. Nurul Huda Nabila bt. Muhd Sahimi,** UN  
Wakil Penubung

## Pasal 3

**Pn. Hani Nabilia bt. Muhd Sahimi,**  
Istakhsar Perhilitan Malaysia

## Pasal 4

**Dn. Muhd Zahid Dali bin Wahidun,** UN  
Wakil Penubung

Pembentangan seminar yang ketiga telah disampaikan oleh Puan Hani Nabilia bt. Muhd Sahimi (Ibu Pejabat Perhilitan Semenanjung Malaysia) yang bertajuk "Pengurusan Primat di Semenanjung Malaysia"

# BENGGKEL PEMURNIAN DOKUMENTASI MS ISO 9001:2015

PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2023

Oleh Rossi B. Moxsin



Bertarikh 28 hingga 29 Mac 2023 lalu urusetia MS ISO 9001:2015 Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang telah diketuai oleh Timbalan Ketua Eksekutif PADAT En. Mohamad Aris Bin Haji Sahid telah mengorak langkah ke arah memurnikan dokumen Pensijilan ISO 9001:2015 yang telah dibangunkan sebelum ini.

Peserta yang terdiri dari warga kakitangan PADAT seramai 25 orang termasuk urus setia telah menghadiri bengkel selama 2 hari bertempat di Makmal Teknologi Maklumat, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bertujuan bagi menilai serta memurnikan dokumentasi ISO 9001:2015 yang telah dibangunkan oleh setiap pemegang prosedur. Penceramah jemputan daripada Syarikat Perunding CIMY International Standards Training (M) Sdn. Bhd. telah dilantik untuk memberi latihan kesedaran, tafsiran dan pemahaman terhadap keperluan pemurnian dokumentasi ISO 9001:2015.

Semoga seluruh warga PADAT terus berusaha secara berterusan bagi mencapai persijilan ISO 9001:2015 ini. Tahniyah kepada seluruh warga PADAT atas komitmen ini.



# PROGRAM IHYA RAMADAN PADAT TAHUN 2023

## ANJURAN KELAB REKREASI & KEBAJIKAN LEMBAGA MUZIUM SELANGOR (KRKLMS)

Oleh Mohd Hairul Izwan B. Mohd Kasran

Pada 5 April 2023, Biro Agama KRKLMS telah menganjurkan program Tadarus al-Quran di kalangan staf-staf Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) di surau Auditorium L3 dan Dewan Raja Lumu. Kumpulan tadarus ini telah dibahagikan kepada 20 kumpulan mengikut juzuk-juzuk serta jantina. Setiap kumpulan akan melantik seorang ketua dan penolong yang berkelayakan bagi tujuan pemeriksaan tajwid.

Setiap kumpulan telah memberikan sepenuh komitmen sehingga dapat menyelesaikan bacaan-bacaan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Seterusnya, pada 6 April 2023, Biro Agama telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Rakaman Takbir Raya PADAT 2023. Beberapa orang staf lelaki telah dipilih untuk menyertai rakaman takbir dengan berbusana lengkap Baju Melayu beserta sampung dan bersongkok. Pada hari Jumaat bersamaan 7 April 2023, telah diadakan ceramah Nuzul al-Quran dan Majlis Khatam al-Quran di Auditorium Daeng Chelah, Muzium Sultan Alam Shah.

Program kemuncak ini dimulakan dengan bacaan surah Ad-Dhuha sehingga surah An-Nas secara bergilir-gilir oleh sembilan orang pengkhatam yang terpilih. Seusai Majlis Khatam, acara diteruskan dengan ceramah oleh Ustaz Anas Mokhtar dengan tajuk bersempena peristiwa Nuzul al-Quran (jatuh pada 8 April 2023) iaitu 'Nuzul al-Quran: Ibrah Sepanjang Kehidupan Manusia'.



# E-BULETIN PADAT BIL 2/2023

